

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB M. KULA SEGARAN  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

**DI**

**PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**21 JULAI 2024, 11:00 PAGI  
PUSAT BELI-BELAH AEON BIG, FALIM  
IPOH, PERAK**

## **SALUTASI**

*Salam Sejahtera dan Selamat Pagi,*

**YANG BERUSAHA TUAN ZAMRI BIN MISMAN**

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri

**YANG BERUSAHA TUAN M. BAKRI BIN ABDUL MAJID**

Ketua Pengarah, Jabatan Insolvensi Malaysia

**YANG BERBAHAGIA DATO' NORAZMI BIN MOHD NAWAWI**

Ketua Pengarah, Jabatan Bantuan Guaman

**YANG BERUSAHA TUAN AZHANIZ TEH BIN AZMAN TEH**

Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

**Dif-Dif Jemputan,**

**Wakil-Wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan,**

**Rakan-Rakan Media,**

**Hadirin dan Hadirat yang saya muliakan.**

## UCAPAN

1. Terlebih dahulu, izinkan saya memanjatkan syukur kepada Tuhan kerana kita dapat berhimpun pada hari ini untuk program Hari Bertemu Pelanggan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) di Pusat Beli-Belah AEON Falim, Ipoh, Perak.
2. Program yang julung kali diadakan ini merupakan satu inisiatif penting oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dalam usaha mempromosikan fungsi dan peranan jabatan, agensi dan organisasi di bawah salah satu sektor yang penting dalam pentadbiran negara iaitu Undang-Undang dan Reformasi Institusi.

3. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk membuka peluang dan memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai dasar-dasar kerajaan, akta, prosedur, dan garis panduan tertentu berkaitan tatacara dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh kerajaan.
  
4. Saya berpegang teguh kepada prinsip bahawa dalam sebarang urusan Kerajaan, rakyat am — *the people and the taxpayers*, khususnya adalah menjadi pemegang taruh utama dalam sebarang urusan dan perlu diberikan keutamaan. Sehubungan dengan itu, tidak boleh dipisahkan antara perkhidmatan Kerajaan dengan akses oleh rakyat.
  
5. Saya memahami bahawa kebanyakan rakyat, terutamanya daripada golongan B40, perlu berkerja pada hari minggu dan tidak boleh mengambil cuti dengan begitu mudah, lalu

terdapat kemungkinan bahawa mereka tercicir untuk mengakses pelbagai perkhidmatan Kerajaan yang lazimnya ditawarkan pada hari bekerja.

6. Oleh itu, program-program seperti ini, di mana saya telah mengarahkan kepada BHEUU untuk dianjurkan pada hari Ahad, bertujuan khusus untuk membantu golongan ini dalam memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan sampai kepada mereka jua selaras dengan prinsip a government of the people, for the people, iaitu Kerajaan MADANI yang berteraskan kepada kepentingan rakyat.
7. Saya amat berbesar hati melihat penyertaan sebanyak 13 jabatan, agensi, institusi kerajaan, organisasi, badan berkanun, dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam program ini. Kolaborasi strategik ini merupakan usaha sama yang

penting bagi mempromosikan perkhidmatan sedia ada, selaras dengan agenda MADANI, demi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

8. Saudara-saudari sekalian, izinkan saya menekankan kepentingan beberapa jabatan dan organisasi di bawah portfolio saya, Undang-Undang dan Reformasi Institusi di Jabatan Perdana Menteri dalam memastikan keadilan dan hak asasi manusia dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum atau agama.
  
9. Jabatan Bantuan Guaman, melalui program *Justice on Wheels (JoW)* telah berjaya memberikan khidmat nasihat guaman kepada 358 pelanggan sehingga Jun 2024. Program ini amat penting dalam memastikan perkhidmatan

bantuan guaman dapat diberikan kepada masyarakat di kawasan pedalaman.

10. Jabatan Insolvensi Malaysia pula telah melaksanakan Dasar Peluang Kedua yang bertujuan untuk melepaskan 130,000 orang bankrap melalui Rukun Ihsan Malaysia MADANI. Sukacita dengan ini saya mengumumkan bahawa sehingga Jun 2024, seramai 105,918 individu atau 82 peratus dari jumlah sasaran telah dilepaskan dari kebankrapan.

11. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi dan pendidikan hak asasi manusia, termasuk program SUHAKAM Bersama Masyarakat, Program Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM) di sekolah, dan Program Hak Asasi Belia "Youth4Rights".



Program-program ini amat penting dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman rakyat Malaysia tentang hak asasi manusia.

12.Saya berharap program Hari Bertemu Pelanggan ini dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, bukan sahaja kepada penduduk setempat malah kepada semua pengunjung yang hadir. Inisiatif ini merupakan platform pemudah cara bagi semua jabatan, agensi, institusi kerajaan, organisasi, badan berkanun, dan badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat untuk mendekati dan memahami cabaran rakyat dengan lebih mendalam.

13.Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus menjayakan program ini. Secara khususnya, saya merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan kepada semua yang terlibat, termasuk—

- BHEUU;
- Jabatan Bantuan Guaman (Perak);
- Jabatan Insolvensi Malaysia (Perak);
- SUHAKAM;
- Pejabat Ketua Pendaftaran Mahkamah Persekutuan;
- Pusat Kesihatan Daerah Kinta;
- Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA);
- Jabatan Pendaftaran Negara;
- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);
- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia;
- Human Resource Development Corporation (HRDF);

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Ipoh, Perak;
- Development of Human Resources for Rural Areas, Malaysia

14. Tanpa sokongan dan penyertaan anda semua, program ini tidak akan berjaya mencapai matlamatnya.

15. Dengan ini, saya merasmikan program Hari Bertemu Pelanggan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.